

# Pemimpin Berjasa bela dasar Islam Dr M

Sekitar  
Kerusi  
Parlimen  
Hulu  
Muda

ALUR SETAR, Jumaat — Malaysia sedang mencapai satu tahap pembangunan yang amat mengagumkan dalam pelbagai bidang termasuk penyerapan nilai-nilai Islam yang ditekankan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun, dalam negara majmuk seperti Malaysia, usaha ke arah itu perlu dilakukan secara berhati-hati supaya pihak yang melaksanakannya tidak terperangkap dengan kezamannya sendiri.

Naib Presiden Berjasa, Drs Abdul Halim Mohamad Diah, ketika berucap di Pejabat Umno cawangan Paya Kelubi, Pendang semalam berkata beliau yakin perkembangan yang begitu pesat akan terus diterima oleh semua lapisan rakyat.

Beliau yakin calon Barisan Nasional dalam pilihan raya kecil Hulu Muda, Enik Othman

Abdul akan mendapat lebih banyak majoriti dibandingkan dengan masa lalu.

Drs Abdul Halim menarik perhatian tentang konsep bersih, cekap dan amanah di bawah pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir yang memang penting dalam Islam.

Beliau kesal ada pihak-pihak yang sentiasa mencari jalan untuk memutar-belitkan cakap semata-mata untuk memperkecilkan rancangan dan hasrat baik kerajaan.

Sebagai contoh, beliau menimbulkan dakwaan setengah-setengah tokoh Pas yang mengatakan rancangan kerajaan seperti Universiti Islam dan Bank Islam belum 'Islam kerana hukum Islam tidak dijalankan sepenuhnya.'

Katanya, Universiti Islam sebenarnya amat penting dalam pembentukan fikiran masyarakat Islam sebab orang-orang yang keluar dari universiti inilah akan berdakwah kepada masyarakat tentang konsep Islam.

Drs Abdul Halim membidas setengah-setengah wakil rakyat Pas yang mempersoalkan bantuan padi, baja atau sebagainya sedangkan mereka sendiri menerima claun setiap bulan tanpa menimbulkan sebarang soalan tentang perkara itu.

"Sebab itulah rakyat perlu meneliti apa yang dibuat oleh orang yang bercakap itu untuk rakyat, bukan apa yang dca-kapnya," katanya.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia